

SOALAN NO. 507

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN
[AMPANG]**

TARIKH : 10 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin (Ampang) minta MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT :-**

- (a) berapakah jumlah orang papa yang telah dimasukkan ke dalam Pusat Pemulihan Desa Bina Diri; dan
- (b) statistik orang papa yang berjaya kembali ke pangkuhan keluarga atau masyarakat setelah menjalani latihan di pusat ini.

JAWAPAN :

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) mempunyai 5 buah institusi Desa Bina Diri (DBD) yang memberi jagaan, perlindungan dan pemulihan kepada orang papa agar mereka menjadi produktif dan berkemahiran serta mempunyai sikap yang positif untuk diintegrasikan dalam masyarakat.

Institusi tersebut adalah seperti berikut :

- i) DBD Mersing;
 - ii) DBD Jerantut;
 - iii) DBD Kota Kinabalu; dan
 - iv) DBD Kuching
 - v) Pusat Sehenti Bina Diri Sungai Buloh.
-
- (a) Berdasarkan statistik yang direkodkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) bilangan orang papa yang telah dimasukkan ke Desa Bina Diri mulai bulan Januari tahun 2010 sehingga September 2014 adalah berjumlah 765 orang penghuni.

Bagi menyediakan penghuni DBD agar dapat diintegrasikan dalam masyarakat, mereka akan menjalani pemulihan, latihan kerjaya dan kemahiran (vokasional, pertanian, kraf tangan) bagi tempoh tidak melebihi 3 tahun.

DBD juga mengadakan program “*Job Opportunity*” kepada penghuni-penghuni yang boleh dilatih bagi menyesuaikan penghuni dengan alam pekerjaan. Program ini adalah merupakan inisiatif DBD dengan syarikat-syarikat swasta dan persendirian di kawasan berdekatan institusi untuk menempatkan penghuni di alam pekerjaan sebagai persediaan penghuni untuk diintegrasikan dalam masyarakat.

- (b) Sejak tahun 2010 hingga September 2014, sejumlah 161 orang penghuni telah dibebaskan untuk kembali tinggal dengan keluarga dan 92 orang penghuni program “*Job Opportunity*” di DBD mendapat pekerjaan seperti insan lain dalam masyarakat.

Kesimpulannya, KPWKM sentiasa komited untuk meneruskan usaha membela kesejahteraan sosial kumpulan sasar agar mereka dapat menjalani kehidupan yang berdikari, berintegriti dan bermaruah sebagai sebahagian daripada anggota penting dalam keluarga, komuniti dan masyarakat secara inklusif.